

TARIKH: 24 FEBRUARI 2022

SURAT KHABAR: HARIAN METRO

MUKA SURAT: 12

Kota Bharu: Lebih 1,000 kekosongan jawatan ditawarkan melalui sesi temuduga pada Program Outreach Peringkat Negeri Kelantan 2022 yang dijalankan di Pusat Khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Galas, Gua Musang pada 28 Februari ini.

Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) Kelantan Nora Yaa-

cob berkata, jawatan pula ditawarkan membabitkan majikan seperti DRB Hi-com Berhad, Maxis Broadband Sdn Bhd, Hicom Automotive Manufactures (Malaysia) Bhd dan OL Maxincome Sdn Bhd (Family Mart).

Katanya, pencari kerja di-

alu-alukan untuk mengambil peluang dengan menghadiri temuduga yang berlangsung sehari bermula jam 10 pagi sehingga jam 3 petang.

"Program ini membabitkan kerjasama Perkeso Kelantan, Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa), Pusat

Adun Galas serta Myfuturejobs dalam membantu membuka peluang pekerjaan.

"Orang ramai juga boleh melayari www.myfuturejobs.gov.my bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai jawatan kosong di seluruh negara," katanya pada

1,000 kerja kosong ditawarkan pada Program Outreach

kenyataan semalam.

Nora berkata, khusus bagi pencari kerja di Kelantan, mereka boleh menyertai kumpulan aplikasi telegram Perkeso di Kelantan Career Centre untuk mengetahui kerja kosong dan temu duga di negeri itu melalui <https://t.me/>

KelantanCareerCentre.

"Program temuduga yang dijalankan itu juga bersempena dengan pelancaran Pusat Satelit MyFutureJobs di Gua Musang.

"Ia menjadi pusat berhenti untuk komuniti setempat jika mahu mencari peluang kerja selain menyediakan akses Internet buat mereka di kawasan pedalaman," katanya.